

## 5,000 hadir tahlil perdana di UPSI

Tanjong Malim, 16 Jun - Kira-kira 5,000 tetamu hadir sempena Majlis Tahlil Perdana anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor Kampus Sultan Azlan Shah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Suasana sedih dapat dirasai oleh seluruh tetamu yang hadir selepas genap tujuh hari peristiwa 15 pelajar UPSI yang maut dalam kemalangan bas di Gerik, 9 Jun lalu. Majlis berkenaan diadakan sebagai tanda kasih dan ingatan abadi mangsa yang terbabit. Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir, beliau secara peribadi dan pihak KPT menyampaikan ucapan takziah yang paling mendalam kepada semua keluarga mangsa.

Katanya, kehilangan ini terlalu besar dan anak-anak ini bukan sekadar pelajar tetapi harapan keluarga, masyarakat, dan negara yang sedang meniti jalan ilmu, menggalas impian, namun perjalanan mereka. "Pelajar yang masih dalam rawatan, saya dan seluruh warga KPT mendoakan semoga diberi kekuatan dan kesembuhan. Kami tahu betapa perit dan pedihnya ujian ini. Namun kami juga percaya semangat kalian tidak mudah padam. Jangan pernah berputus asa. Kami akan terus berdiri di belakang kalian.

"Kepada waris, ketahuilah anda tidak bersendirian. Dalam setiap doa, dalam setiap usaha kami bersama anda. Negara ini turut menanggisi kehilangan ini. "Kami di KPT, UPSI dan seluruh rakyat Malaysia berdiri teguh di sisi kalian," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, Pengurus Lembaga Pengarah UPSI, Datuk Seri Rohani Parkash Abdullah dan Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff.

Dr. Zambry berkata, KPT dan UPSI sudah menubuhkan Tabung KPT Prihatin bagi mengumpul sumbangan untuk mangsa dan

keluarga mangsa nahas sehingga Jumaat ini. Beliau berkata, tabung ini ditubuhkan khusus untuk membantu kebajikan pelajar, waris dan petugas yang terkesan.

"Setakat hari ini, lebih 40 universiti, agensi, pihak korporat menyatakan kesediaan untuk menyalurkan sumbangan sebanyak RM 1.7 juta yang sudah dan akan disalurkan secara berperingkat.

"Malah, sehingga hari ( Isnin ) ini juga bantuan wang tunai sebanyak RM 371,000.00 sudah diserahkan kepada pelajar dan waris yang terkesan," katanya.

Mengimbas kembali saat insiden berkenaan, beliau berkata beliau segera ke hospital sebaik menerima berita musibah berkenaan bukan hanya sebagai menteri, tetapi sebagai seorang manusia yang turut berduka.

Katanya, beliau mengambil peluang bertemu sendiri dengan mangsa dan waris serta mendengar rintihan mereka dalam suasana begitu menyentuh hati dan pilu yang tidak mampu digambarkan dengan kata-kata.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



## Lawatan Delegasi Cardiff Metropolitan University Perkuuh Jalinan Kerjasama Antarabangsa bersama UPSI

**Tanjong Malim, 18 Jun** - UPSI menerima kunjungan delegasi dari Cardiff Metropolitan University (CMET) yang terdiri daripada empat orang staf dan lapan orang pelajar. Lawatan ini bertujuan memperkuuh kerjasama strategik menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif, termasuk perbincangan program dwi-ijazah Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi (FKMT), permohonan geran antarabangsa di bawah PIE Programme for WiSE, serta pengembangan inisiatif mobiliti pelajar antara UPSI dan CMET. Delegasi CMET disambut oleh Dr. Sumayyah Dzulkifly (FKMT) dan Prof. Dr. Khoo Yin Yin (Fakulti Pengurusan dan Ekonomi).

Perbincangan khusus berkaitan program PhD dwi-ijazah FKMT-

## UPSI Angkat Kepakaran Teknologi Lestari Prof. Dr. Che Zalina dalam Syarahan

**Tanjong Malim, 19 Jun** - UPSI terus memperkuuh tradisi intelektualnya melalui penganjuran Majlis Syarahan Budiman, yang kali ini memberi penghormatan kepada Prof. Dr. Che Zalina Zulkifli, seorang tokoh akademik dalam bidang sistem pintar dan teknologi lestari.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof. Dr. Norkhalid Salimin menyifatkan syarahan itu bukan sekadar penyampaian ilmu, malah sebagai simbol legasi pemikiran dan sumbangan besar seorang Profesor kepada dunia akademik dan masyarakat.

"Majlis Syarahan Budiman ini adalah penghormatan tertinggi universiti kepada seorang sarjana yang telah

UPSI dan CMET telah berlangsung pada 17 Jun bersama Dekan FKMT, Prof. Madya -Ing Dr. Maizatul Hayati Mohamad Yatim serta Dr. Sumayyah. Pada 18 Jun, sesi selari turut diadakan melibatkan syarahan profesor yang dihadiri oleh empat orang staf CMET, manakala lapan pelajar mengikuti sesi perkongsian ilmu bersama warga UPSI. Delegasi juga dibawa melawat Muzium UPSI bagi mengenali sejarah penubuhan institusi ini, di samping lawatan ke Sekinchan bagi merasai keindahan landskap sawah padi Malaysia. Kemuncak lawatan pada 19 Jun menyaksikan sesi pengenalan berkaitan CMET dan PIE Programme for WiSE Initiatives (UK-Malaysia-Pakistan), serta demonstrasi robot pengajaran mini yang menarik perhatian peserta.

melalui perjalanan akademik penuh makna.

Anak kelahiran Pendang, Kedah itu, merupakan pensyarah kanan di Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi (FKMT) UPSI, dikenali dengan kepakaran dalam kejuruteraan elektronik dan sistem pintar termasuk sistem terbenam, Internet Pelbagai Perkara (IoT), rangkaian sensor tanpa wayar serta teknologi hijau dan pendidikan digital.

"Antara sumbangan utama beliau termasuklah pembangunan Smart Edu-Green Centre, kompos makanan pintar (SEFWC), serta sistem pengairan dan pembajaan automatik.



## Peserta Cilik Teroka Dunia Inovasi di Kids Explorer Innovative CAMP 2025 Anjuran RISE@RMIC UPSI

Seramai 13 peserta cilik berumur 8-12 tahun telah menyertai Kids Explorer Innovative Camp selama tiga hari yang penuh warna-warni dengan pelbagai aktiviti interaktif dan menyeronokkan anjuran RISE@UPSI dengan kerjasama lima fakulti iaitu Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi (FKMT), Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSKJ), Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK) serta Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP).

Program yang berlangsung pada 29 hingga 31 Mei 2025 di Kampung Sultan Azlan Shah dan Kampung Sultan Abdul Jalil Shah ini disusun rapi dengan enam slot aktiviti menarik yang menjurus kepada pembentukan bakat, kreativiti, kemahiran kognitif dan keyakinan diri anak-anak.

Sepanjang tiga hari program, peserta telah

mengikuti pelbagai aktiviti menarik seperti bengkel 3D Printer & 3D Pen yang membina kreativiti 3D, aktiviti memanah yang melatih fokus dan disiplin, slot water confident dan atas renang untuk membina keyakinan diri di dalam air. Mereka juga turut terlibat dalam bengkel seni air-clay yang merangsang imaginasi, lawatan pendidikan ke Muzium dan Perpustakaan UPSI yang membuka minda dan diakhiri dengan bengkel muzik tradisional yang memupuk apresiasi terhadap warisan budaya.

Tenaga penceramah yang terlibat ialah Dr. Mad Helmi (FKMT), Dr. Mohd Fadhil Harfiez Abdul Mutalib (FKMT), Dr. Mon Redee Sut Txi (FSSKJ), Encik Yusop Ahmad (FSSKJ), Ilyia Mohamad (FPM), Dr. Izzal Khairi Ramli (FSKIK) dan PM Dr. Kamarulzaman (FMSP).

Program ini telah dikendalikan oleh Penyelaras RISE@UPSI & Inovasi, Dr. Noor Hidayah Che Lah

bersama beberapa orang urus setia dari Pusat Penyelidikan dan Inovasi. Selain itu, lima orang Timbalan Dekan (Jaringan Industri Dan Pengkomersilan) iaitu Dr. Nor Mashitah Mohd Radzi, Dr. Muhamad Hariz Muhamad Adnan, Dr. Izzal Khairi Ramli dan Dr. Nurul Fadhilah Abdullah turut membantu menjayakan program ini.

Program ini memberi impak positif yang besar dalam membentuk keyakinan diri, kreativiti dan minat awal peserta terhadap bidang teknologi, seni, sukan dan budaya. Melalui pendekatan pembelajaran berdasarkan pengalaman secara interaktif dan menyeronokkan, peserta bukan sahaja memperoleh kemahiran asas yang penting, malah didedahkan kepada suasana pendidikan tinggi yang mampu menyemai aspirasi mereka sejak usia muda.



Kunjungan Hormat ke RHB Islamic Bank Bhd



Duli Yang Amat Mulia Raja Di-Hilir Perak berkenan menerima mengadap pengurusan UPSI untuk menyampaikan sumbangan daripada Yayasan Sultan Idris Shah II



Majlis Perwakilan Pelajar UPSI ke Besut bagi menyampaikan sumbangan Tabung KPT Prihatin



Promosi Saluran Bitara UPSI Tarik Perhatian Ribuan Pengunjung

